


REAKSI ORANG MUDA

SEMANGAT BERLUMBA-LUMBA PELAJAR MELAYU DALAM PENCAPAIAN AKADEMIK KURANG MEMBERANGSANGKAN BERBANDING PELAJAR CINA DI UNIVERSITI. SETUJUKAH?



"SAYA percaya semangat berlumba-lumba dalam pencapaian akademik dipengaruhi banyak faktor. Faktor yang utama pada pandangan saya adalah dorongan daripada ibu bapa dan budaya membaca yang sudah dipupuk sejak kecil. Dorongan hanya mahu anak untuk ke sekolah tidak cukup jika hanya menerapkan budaya ilmu dalam masa yang diluahkan bersama keluarga. Budaya ilmu dalam kalangan Melayu perlu diterapkan dari kecil agar semangat berlumba-lumba dalam pencapaian akademik setara dengan pelajar Cina."

**MUHAMMAD HAZIM
RIDHWAN MUHAMMAD
ZULHAINAN**
Universiti Teknologi Mara



"PADA masa ini saya melihat pelajar Melayu kurang berdaya saing dari segi akademik dan kurikulum kerana kesedaran yang rendah

untuk berjaya dalam bidang yang diceburi. Kerajaan melalui pelbagai agensi banyak menyediakan kemudahan seperti kaunseling dan kelas tambahan untuk menambah minat pelajar untuk berjaya dalam bidang akademik. Selebihnya pelajar Melayu perlu pandai merebut peluang yang banyak dimanfaatkan oleh bangsa lain."

SHARUM SHAMSUDIN
Universiti Utara Malaysia

"SAYA kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut kerana pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Melayu juga seiring terutamanya apabila melibatkan kemahiran tambahan dan kurikulum yang kelihatan mahasiswa Melayu lebih menyerlah seiring dengan pencapaian akademik. Dan saya lihat perkara ini dari sudut penglibatan pelajar itu sendiri yang turut berlumba-lumba memperoleh keputusan cemerlang dalam semua bidang sama ada akademik mahupun bukan akademik."

WAN MUHAMMAD HAZEM
Universiti Teknologi Malaysia



"TIDAK dinafikan prestasi akademik segelintir mahasiswa Melayu di universiti kurang memberangsangkan. Daripada beberapa kajian lepas mendapati majoriti mahasiswa menunjukkan prestasi yang tinggi di

peringkat matrikulasi tetapi mereka tidak dapat mengekalkan prestasi terbaik di universiti. Prestasi kurang memberangsangkan ini dipengaruhi banyak faktor iaitu dari segi faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman seperti kursus yang ditawarkan di universiti. Kebanyakan mahasiswa Cina lebih berminat dengan sistem ilmiah manakala mahasiswa Melayu lebih berminat dengan aktiviti 'outdoor'. Perbezaan ini dapat dilihat apabila mahasiswa Melayu tamat belajar di matrikulasi dan memasuki universiti. Pendedahan aktiviti yang ditawarkan oleh persatuan dan kelab di universiti menyebabkan mereka leka seterusnya membawa kepada kemerosotan pencapaian akademik pelajar Melayu itu sendiri."

NUR AMIERA NOR ROS SELAN
Universiti Putra Malaysia



"SAYA tidak setuju kerana terdapat pelajar Melayu yang cemerlang dalam pencapaian akademik. Majoriti pelajar cemerlang di universiti adalah daripada bangsa Melayu dan dalam sesetengah bidang, pelajar Melayu merupakan pelajar cemerlang di dalam bidang yang mereka pelajari. Walau bagaimanapun, ini merupakan satu persaingan yang sihat dalam bidang akademik."

DAILAMI DANIEL MAT NOR
Universiti Kuala Lumpur

"SAYA tidak setuju dengan kenyataan tersebut kerana saya percaya ramai pelajar Melayu yang berjaya di universiti dan mempunyai pencapaian yang boleh dibanggakan hasil kesungguhan mereka untuk bergelar seorang mahasiswa. Kita boleh lihat sudah ramai pelajar Melayu yang berjaya antaranya ialah Hazzirah Izzati Mat Hassim yang menjadi pelajar paling muda dianugerahkan Doktor Falsafah (PhD) di bawah program PhD Fast Track Universiti Teknologi Malaysia dan ini jelas membuktikan bahawa masih ramai lagi pelajar Melayu yang cemerlang."

**MUHAMMAD AFIQ
ABDUL RASHID**
Universiti Limkokwing

